



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 28 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	LKIM LAKSANA PASAR NELAYAN ELAK ORANG TENGAH, DASAR DAN PENTADBIRAN, BH -14 FARMERS FEDERATION TO JOIN EXPO, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B3 TAWAR 10000 SPESIES TANAMAN, NEWS, SINAR HARIAN (PANTAI TIMUR) -21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5. 6. 7. 8.	BIDANG PERTANIAN JANA PENDAPATAN LUMAYAN, VARSITI, BH MYAGROSIS PUPUK MINAT SISWAZAH JADI USAHAWAN, VARSITI, BH -V28 PENCAPAIAN AKADEMIK SATU BONUS MAJUKAN PERNIAGAAN TANI, VARSITI, BH - V29 PENGUNAAN TEKNOLOGI MODEN MUDAHKAN USAHAWAN TANI, VARSITI, BH -V29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10.	SISTEM FERTIGASI PASTIKAN TANAMAN DAPAT CUKUP AIR, NEWS, BERITA HARIAN (JOHOR) -63 TERNAK LEMBU SADO JADI TREND, NEWS, SINAR HARIAN (PANTAI TIMUR) -36	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/3/2019	BERITA HARIAN	DASAR DAN PENTADBIRAN	14

LKIM laksana pasar nelayan, elak orang tengah

Kuala Lumpur: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melaksanakan pendekatan bersepadu mewujudkan pasar nelayan untuk memendekkan rantai pemedaran hasil nelayan dan melepaskan golongan itu daripada cengkaman orang tengah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata program itu adalah strategi serampang dua mata yang memberi peluang kepada nelayan dan keluarga mereka memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pengguna.

Selain itu, katanya, strategi itu adalah pendekatan menang-menang dengan nelayan bakal memperoleh margin pulangan harga lebih baik dan menguntungkan, manakala pembeli pula mendapat bekalan ikan segar pada harga berpatutan.

128 pasar nelayan

Sehingga Disember lalu, katanya, sebanyak 128 pasar nelayan diwujudkan di seluruh negara dengan urusan niaga direkodkan pada tahun lalu berjumlah 3,874 tan metrik bernilai RM44.6 juta mem-



Salahuddin Ayub

babitkan seramai 532 peserta.

"Seramai 2.48 juta pengunjung mendapat manfaat daripada aktiviti jualan harian di Pasar Nelayan dan meningkatkan pendapatan nelayan sebanyak 33.6 peratus, iaitu RM2,503 sebulan berbanding RM1,873.51 sebulan bagi 2016," katanya mengemukakan usul menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, semalam.

Salahuddin turut memberi jaminan kementerian akan menaikkan semula Elaun Sara Hidup (ESH) nelayan kepada RM300 ber-

banding RM200 sekarang jika keadaan kewangan negara mengizinkan.

Menjawab isu kadar faedah Agrobank dikatakan terlalu tinggi mencecah empat peratus yang dibangkitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) sehingga membebankan golongan petani pula, beliau berkata, kadar faedah ditawarkan berbeza mengikut program.

"Sebagai contoh, Agrobank menawarkan faedah serendah dua peratus melalui Pembiayaan Agropreneur Muda (PAM)," katanya.

Headline	Farmers federation to join agro expo		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	28 Mar 2019	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	150 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,660



森甲菜农联合会参加农产品展销会

森美兰及马六甲菜农联合会理事日前到曼斗参加由森州农业局主办的农民及农产品展销会；并与农业及农基工业部副部长沈志勤（前排中）及官员交流。后排右二起为署理主席黄满富、秘书罗亚玖、副主席林大全。

该会还邀请该部正副部长于5月11日（星期六）参加该会在马六甲普罗士邦培智华小篮球场主办庆祝39周年纪念及筹募建会所联欢晚宴。

Headline	Tawar 10, 000 spesies tanaman		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	28 Mar 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	70 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 345
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,034



Tawar 10, 000 spesies tanaman

KOTA BHARU - Pesta Orkid, Flora dan Herba 2019 menawarkan 10,000 spesies tanaman bunga-bunga, herba dan pokok buah-buahan dengan harga berpatutan.

Pesta berlangsung di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung sejak Khamis lepas sehingga 31 Mac ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, tahun ini terdapat pertambahan 24 peratus usahawan iaitu 204 usahawan berbanding 155 usahawan pada 2018.

Menurutnya, perkembangan itu dijangka menambahkan lagi nilai jualan sehingga RM2.6 juta.

"Sempena musim cuti sekolah ini saya sarankan bawa keluarga untuk sama-sama meriahkan pesta flora kali ini.

"Ini adalah acara tahunan Fama bagi memperluaskan pasaran florikultur ke seluruh tanah air," katanya selepas merasmikan Pesta Orkid, Flora dan Herba 2019 peringkat negeri Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/3/2019	BERITA HARIAN	VARSI	14

BIDANG PERTANIAN JANA PENDAPATAN LUMAYAN

→ Graduan tidak seharusnya melihat sektor ini sebagai kerjaya kelas bawahan atau pilihan terakhir

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Peluang kerjaya yang semakin mencabar pada hari ini mendorong ramai graduan memilih untuk menjalankan perniagaan sendiri, termasuklah menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatan.

Melalui pelbagai program dan bantuan kewangan yang disediakan kerajaan, jabatan atau agensi berkaitan, siswazah tani kini berjaya menjana pendapatan ribuan ringgit hasil daripada menjual produk pertanian.

Graduan Diploma Pengurusan Projek, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Hanis Hamizan Abd Mubin, antara siswazah yang memilih untuk mencubai bidang pertanian secara komersial sejak empat tahun lalu.

Anak muda yang berasal dari Pekan, Pahang itu tidak pernah menyesal menjadikan bidang pertanian sebagai ker-

jaya meskipun mempunyai kelulusan akademik daripada UMP kerana meminati bidang perniagaan sejak dari kecil.

"Latar belakang keluarga yang banyak terbabit dalam bidang perniagaan mendorong saya untuk jadi usahawan tani, apatah lagi peluang menjalankan perniagaan di bawah program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menjayakan projek pertanian tanaman timun ini.

"Kini, saya sudah mempunyai tiga tapak kebun tanaman timun masing-masing di Pekan dan Kuantan yang mana keseluruhannya berkeluasan dua hektar yang diuruskan dengan bantuan lima pekerja," katanya ketika dihubungi *AH Varsiti*, baru-baru ini.

Sejak mengusahakan tanaman sayuran menggunakan kaedah fertigasi di bawah program NBOS itu, Hanis Hamizan berjaya meraih pendapatan tertinggi sebanyak RM100,000 untuk satu musim tuai.

V18/19



Pekebun muda, Hanis Hamizan Abd Mubin menunjukkan timun yang ditanam untuk program NBOS di Kompleks Pertanian Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Inderapura, Kuantan, Pahang.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/3/2019	BERITA HARIAN	VARSI	V28

MYAGROSIS pupuk minat siswazah jadi usahawan



Pecahan Kelab MYAGROSIS di seluruh negara

- 18 universiti awam
- 35 Universiti Teknologi MARA (UITM)
- 14 institut latihan pertanian
- 33 politeknik
- 4 kolej vokasional
- 3 IPTS (KUIPSAS, UnikL, KPTM, UniSel)
- 4 kolej komuniti (Kolej Komuniti Selayang, Huku Langat, Rembau dan Besut)
- 1 KPTM

● 112 IPT tubuh Kelab MYAGROSIS, lahirkan 966 usahawan pelbagai bidang

► Kuala Lumpur

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dan agensi berkaitan bagi memupuk minat, memberi pendedahan dan menyediakan saluran dana yang diperlukan untuk mahasiswa menjadi usahawan tani.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah antara agensi yang memainkan peranan penting dalam usaha menggalakkan siswazah menceburi perniagaan berasaskan pertanian melalui penubuhan Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS).

Pengarah Kanan (Agropreneur Muda dan Projek Khas) FAMA, Sabri Naseh, berkata Kelab MYAGROSIS ditubuhkan pada 17 Disember 2011 ialah program berbentuk latihan secara amali yang bertujuan memberi pendedahan dan memupuk minat generasi muda dalam keusa-



Sabri Naseh

hawanan terutama bidang pertanian serta sektor pertanian makanan.

Katanya, melalui Kelab MYAGROSIS, ahli boleh menjalankan projek berasaskan kepada pertanian dan keusahawanan berdasarkan kluster projek yang dipilih serta dijalankan di dalam institusi pengajian tinggi (IPT) masing-masing bersama-sama dengan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai pembimbing yang dipadankan bagi setiap IPT.

"Terdapat tiga kluster di bawah Program MYAGROSIS iaitu Agro Ladang, Agro Niaga dan Agro Inovasi yang akan dipilih oleh IPT masing-masing sebelum mereka melaksanakan projek di

bawah Kelab MYAGROSIS. "Agro Ladang merangkumi latihan amali dalam bidang pertanian secara penanaman, perikanan, penternakan, landskap dan florikultur, manakala Agro Niaga pula membabitkan bidang perniagaan tani, peruncitan, pemprosesan, pemasaran serta industri asas tani," katanya.

Upaja jalinan
Selain itu, Agro Inovasi pula merangkumi bidang berasaskan kreatif tani, inovasi pembangunan dan penyelidikan (R&D), pelabelan, pembungkusan, pembaharuan produk serta pemodenan mesin asas pertanian yang bersaiz kecil. Setakat bulan lalu, sebanyak 112 IPT sudah menubuhkan Kelab MYAGROSIS termasuk universiti awam (UA), politeknik, kolej komuniti, institut latihan pertanian, kolej vokasional, Institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM).

Sejak ditubuhkan, Kelab MYAGROSIS berjaya melahirkan 966 usahawan membabitkan pelbagai bidang.

Sabri berkata, selaras dengan matlamat untuk melahirkan usahawan graduan dan agropreneur muda, inisiatif Transformasi Agropreneur Muda (TRAM) diperkenalkan pada



Mohamad Ikram Haziq Mohd Kamarudin

tahun ini membabitkan dua program iaitu MYAGROSIS Coaching dan Pengkomersialan Produk MYAGROSIS.

Katanya, program latihan dijalankan selama setahun oleh jurulatih yang dilantik bagi pelajar tahun akhir yang sudah mempunyai produk sendiri untuk dibangunkan manakala melalui pengkomersialan produk, pelajar diberikan bantuan dalam bentuk bukan tunai iaitu membabitkan pembungkusan, pelabelan, kod bar dan ujian makmal.

"Selain itu, ahli Kelab MYAGROSIS juga didedahkan kepada kepada saluran pemasaran secara dalam talian melalui program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME), di mana ahli didedahkan kepada kaedah pemasaran melalui konsep *drop-ship* bagi produk usahawan di bawah bimbingan FAMA, sekali gus dapat mencipta jalinan kerjasama antara bakal usahawan dengan usahawan sedia ada.

Dana pendapatan
"Bagi siswazah yang ingin atau sudah menjalankan per-

niagaan dalam bidang pertanian makanan, mereka boleh memohon bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Geran Agropreneur Muda serta Pembiayaan Agropreneur Muda," katanya.

Bantuan yang ditawarkan di bawah Geran Agropreneur Muda adalah dalam bentuk peralatan, input pertanian dan mesin yang berkaitan pertanian makanan, manakala Pembiayaan Agropreneur Muda pula ditawarkan sehingga RM200,000 untuk siswazah tani yang ingin mengembangkan perniagaan mereka.

Sementara itu, Yang Dipertua Sekretariat MYAGROSIS Universiti Sains Malaysia (USM), Mohamad Ikram Haziq Mohd Kamarudin, berkata organisasi itu berjaya memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan berasaskan pertanian.

Katanya, pelbagai projek pertanian dijalankan di USM berjaya mendidik dan melatih pelajar mengenai selok-belok menjadi usahawan tani sehingga mereka berjaya menubuhkan perniagaan cendawan tiram kelabu, tujuh tahun lalu.

"Pelajar yang terbabit menguruskan rumah cendawan ini dibayar gaji, sekali gus mereka bukan sahaja belajar mengenai selok-belok perniagaan dan pertanian tetapi juga menjana pendapatan sampingan.

"Sekretariat juga mempunyai K-Shoppe di USM yang menjual barangan runcit untuk melatih pelajar berniaga dan kami merancang untuk mengembangkan lagi projek pertanian di bawah Sekretariat MYAGROSIS dengan melancarkan penternakan udang kara pada semester akan datang," katanya.



Ahli kelab MYAGROSIS yang menjalankan perniagaan pada Mujlis Pelancaran Kelab MYAGROSIS di Politeknik Sultan Abdul Halim, Bandar Darul Aman, Kedah, baru-baru ini.

Pencapaian akademik satu bonus majukan perniagaan tani

Kuala Lumpur: Siswazah di negara ini perlu melihat industri pertanian sebagai satu bidang yang berpotensi untuk menjana pendapatan kerana mempunyai pasaran yang luas dan margin keuntungan tinggi, terutama membabitkan produk basah atau mudah rosak.

Berikutan itu, kerjaya sebagai usahawan tani juga tidak lagi perlu dilihat sebagai profesion yang kotor atau berkelas rendah kerana industri pertanian memainkan peranan besar dalam menyumbang kepada sektor makanan negara. Pakar ekonomi, Prof Dr

Barjoi Bardai, berkata makanan segar seperti daging, ayam, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan ialah produk utama yang akan sentiasa mendapat permintaan daripada pengguna.

Katanya, siswazah yang memilih untuk bergelar usahawan tani tidak perlu gusar mengenai masa depan bidang pertanian negara kerana bekalan negara makanan mudah rosak mempunyai margin keuntungan sebanyak 60 peratus berbanding 10 peratus bagi bahan makanan kering.

"Permintaan akan sentiasa ada, malah jika

bungkus, bidang pertanian akan mendatangkan keuntungan lumayan pada masa depan.

"Bidang ini mungkin tidak memetulkan kelulusan yang tinggi kerana semuanya bergantung kepada minat, tetapi pencapaian akademik adalah satu *'bonus'* yang boleh digunakan untuk memajukan lagi perniagaan siswazah," katanya.

Nafas Baharu

Ketika ini, Malaysia masih perlu mengimport beberapa sumber makanan seperti beras dan sayur-sayuran daripada negara jiran, termasuklah Thai-

land dan Indonesia.

Prof Barjoi berkata, sekiranya makin ramai siswazah di negara ini memilih untuk menceburi bidang pertanian, langkah itu akan memberi nafas baharu kepada industri berkenaan, sekali gus mengurangkan kebergantungan Malaysia untuk mengimport produk makanan dari negara luar.

Katanya, Malaysia masih mengimport beras dari Thailand dan Indonesia sedangkan negara ini juga mempunyai tanah pertanian mencukupi untuk pengeluaran beras yang dipertukarkan peng-

guna di negara ini. "Bezanya adalah penggunaan teknologi yang digunakan dua negara berkenaan dalam menjalankan aktiviti pertanian mereka membolehkan pengeluaran ditingkatkan.

"Sekiranya Malaysia sanggup membuat perubahan dalam sektor pertanian dan berbekalkan kawalan pasaran supaya tidak berlaku lebih penawaran berbanding permintaan, siswazah kita juga mampu menjadi usahawan tani berjaya, sekali gus menyumbang kepada bekalan makanan negara," katanya.



Dr Barjoi Bardai

dilaksanakan dengan gabungan teknologi dan pengurusan yang sistematik, termasuklah dari

aspek logistik dan pem-

28/3/2019

BERITA
HARIAN

VARSITI

V29

Penggunaan teknologi moden memudahkan usahawan tani

← Dari V27

Graduan Diploma Pengurusan Ladang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Jengka, Pahang, Amir Kulbamin Ismail pula memilih menjalankan perniagaan tanaman cili kerana lebih selesai bekerja sendiri.

"Saya mula menjalankan aktiviti menanam cili ketika menuntut di Madrasah Dakwah Islamiyah, Pondok Sri Permai, Pasir Puteh, Kelantan pada 2017 membatik 500 anak pokok.

"Kini, saya meneruskan perniagaan menanam cili ke kawasan baharu, juga terletak di Pasir Puteh,



Amir Kulbamin Ismail

membatikan 3,000 pokok cili di atas tanah berkeluasan kira-kira 1.2 hektar," katanya.

Sementara itu, pela-

jar Doktor Falsafah (PhD) Pengurusan Perniagaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muhammad Norsyahidin Abu Hasan mengusahakan perniagaan ternakan ayam di Jerieh, Terengganu kerana meminati bidang berkenaan sejak di bangku sekolah lagi.

Katanya, pembabitannya dalam bidang ternakan bermula pada 2014 ketika menjadi Pengerusi Koperasi UniSZA dan berbekal pengalaman yang diperolehi itu, Muhammad Norsyahidin memulakan perniagaan ternakan ayam sendiri pada 2016.

"Kini, saya mempunyai satu reban ternakan ayam



Muhammad Norsyahidin
Abu Hasan

dengan kapasiti 18,000 ekor ayam. Perniagaan ternakan ayam akan membekalkan margin keuntungan yang tinggi jika jumlah

ayam ternakan melebihi 50,000 ekor iaitu memecah RM8,000 sebulan.

Teknologi moden

"Berikut ini, saya sedang dalam proses mencari dana dan rakan kongsi untuk membesarkan lagi perniagaan ini, sekali gus dapat menambah bilangan ternakan ayam pada masa depan," katanya.

Beliau berkata, ramai graduan pada hari ini masih menganggap industri pertanian sebagai satu sektor yang menjadi pilihan terakhir kerana mereka belum terdedah dengan tahap keuntungan yang boleh diraih melalui projek pertanian dan peng-

gunaan teknologi yang melancarkan lagi proses pertanian.

"Graduan cuma nampak bidang ini kotor, panas dan tidak menggunakan teknologi sedangkan industri pada hari ini sebenarnya sudah banyak menggunakan jentera dan teknologi dalam setiap operasi yang dijalankan termasuklah ternakan ayam.

"Sekiranya mereka menai dapat maklumat mengenai cara menjaga keutungan dan penggunaan teknologi yang digunakan dalam perniagaan ternakan atau tanaman, pasti ramai yang akan berminat menjadi usahawan tani pada masa depan," katanya.



Amir Kulbamin Ismail memilih untuk menjalankan perniagaan tanaman cili.



Muhammad Norsyahidin sudah memulakan perniagaan ternakan ayam sendiri sejak 2016.

Headline	Sistem fertigasi pastikan tanaman dapat cukup air		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	28 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,427
Page No	63	Readership	28,281
Language	Malay	ArticleSize	407 cm ²
Journalist	Hassan Omar	AdValue	RM 9,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,092



Sistem fertigasi pastikan tanaman dapat cukup air



Abu Hassan memetik cili padi baru yang ditanam menggunakan sistem fertigasi di Kampung Masjid Tanah, kelmarin.

• Bantu peserta Kampungku Masa Depan berdepan musim kemarau

Oleh Hassan Omar
cnews@nsp.com.my

► Alor Gajah

Sistem fertigasi dalam penanaman cili padi dan terung berupaya menyelamatkan industri pertanian peserta Kampungku Masa Depan berdepan cabaran musim kemarau.

Projek berkenaan dilaksanakan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Melaka dengan memilih peserta di kampung tertentu yang berpotensi bagi memajukan industri pertanian dengan keseluruhan modal dan peralatan disediakan oleh agensi terbabit.

Abu Hassan Daud, 64, terpilih mengusahakan tanaman cili padi pada 1990-an sebagai peserta program itu dengan menjadikan sistem fertigasi sebagai aspek utama dalam penanaman cili padi bara, cili hidup dan terung.

Bellau menuai hasil mulai Januari lalu selepas mempraktikkan sistem berkenaan ketika menanam sebanyak 250 beg poli hitam, 100 beg cili hidup varieti MC II dan 150 beg terung di kawasan seluas 0.2 hektar pada pertengahan November 2018.

Air dicampur baja formasi

Abu Hassan berkata, sistem itu membolehkan air dicampur dengan baja formasi dalam tangki utama disalurkan ke setiap paip kecil yang dimasukkan dalam se-

tiap beg poli.

"Setiap tiga jam, air dari tangki utama dipam menggunakan motor ke paip kecil, dimasukkan ke dalam beg poli selama tujuh minit bagi memastikan setiap pokok mendapat air mencukupi, terutama pada musim kemarau seperti sekarang.

"Sistem fertigasi bukan setakat memudahkan kerja menyiram pokok, malah membantu memastikan pokok mendapat air secukupnya sama ada pada musim kemarau atau sebaliknya," katanya ketika ditemui di Kampung Seri Tanjung, Masjid Tanah, di sini.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan Timbalan Pengarah MARDI negeri, Nik Adli Nik Mohamad dan Penolong Pegawai Penyelidik Kanannya, Menhat Abdul Rahman dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Seri Tanjung, Razak Yulim.

Hasil kesungguhan Abu Hassan dan isteri, Wan Noraini Wan Chik, 58, mengusahakan tanaman berkenaan, mereka sudah memasarkan 65 kilogram (kg) cili padi bara, selain cili hidup MC II (16 kg) dan terung (30 kg), sekali gus berbangga dengan hasil jualan RM1,188 setakat ini.

Sementara itu, Nik Adli berkata, selain mendidik anggota masyarakat mengenai sistem fertigasi, MARDI juga membimbing mereka menghasilkan baja formasi sendiri bagi menjimatkan kos.



Setiap tiga jam, air dari tangki utama dipam menggunakan motor ke paip kecil, dimasukkan ke dalam beg poli selama tujuh minit bagi memastikan setiap pokok mendapat air mencukupi, terutama pada musim kemarau seperti sekarang"

Abu Hassan Daud,
Peserta

Headline	Ternak lembu sado jadi trend		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	28 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	36	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	224 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,776
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,328



Ternak lembu sado jadi trend

KEMAMAN - Projek menternak lembu sado yang menjadi trend dalam kalangan anak muda di negeri ini sekarang ekoran ia mendatangkan keuntungan lumayan turut diceburi seorang bapa tiga anak dari Kampung Baru Kerteh, di sini.

Mohamad Taufik Mohamad Nor, 30, berkata, harga seekor lembu sado jantan dewasa mencecah belasan ribu ringgit mendorongnya untuk turut sama membela lembu ruminan baharu itu.

Menurutnya, penternakan lembu sado kini menjadi 'lubuk' untuk menjana pendapatan lumayan dan rugilah jika ia dipersiapkan.

"Ramai golongan muda berjinak-jinak dalam industri penternakan lembu sado kerana hasilnya sangat lumayan. Harga seekor lembu sado sangat tinggi berbanding harga lembu tempatan atau kacukan Kedah-Kelantan.

"Mungkin bermula dengan minat atau mewarisi baka induk dari ibu bapa seperti saya, penternakan lembu sado sudah menjadi aset atau pelaburan bernilai bagi golongan muda," ka-



Mohamad Taufik bersama lembu sadonya bernama Davic yang harganya kini mencecah RM18,000.

tanya, semalam.

Mohamad Taufik memberitahu, fenomena menternak lembu sado itu sekali gus dapat memenuhi permintaan terhadap daging lembu segar dan mampu membantu negara mengurangkan import daging.

Katanya, membela lembu sado memberi kepuasan tersendiri kepadanya kerana bukan sahaja ia menjadi sumber pendapatannya tetapi dapat berkongsi tentang ilmu penternakan kepada masyarakat menerusi penglibatan dalam pertandingan lembu sado yang unik.

Dia pernah memenangi

hadiah naib johan Pertandingan Lembu Sado sempena Road To MAHA di perkarangan Pejabat Mardi, Manir pada 26 Oktober tahun lalu.

"Membawa cabaran baka Limousine bergelar Davic, akhirnya saya muncul naib juara dan membawa pulang hadiah kemenangan RM1,000 berserta piala dan sijil. Davic kini berumur empat tahun tujuh bulan, sudah mencapai harga RM18,000 dengan berat terkini 940 kilogram.

"Jumlah keseluruhan lembu sado pelbagai peringkat umur yang dibela saya kini mencecah lebih 30 ekor," katanya.